



# BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

## SUKU TAHUN (4/2023)



### DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN BERKENAN BERANGKAT SERTA LARIAN HARI KEPUTERAAN SULTAN NAZRIN SHAH 2023.

19 NOVEMBER 2023 - DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN, SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH BERKENAN BERCEMAR DULI BERANGKAT MENYERTA ACARA LARIAN HARI KEPUTERAAN SULTAN NAZRIN SHAH 2023 DI DATARAN WARISAN, TAIPING. TURUT BERKENAN BERANGKAT MENYERTA LARIAN ADALAH DYMM RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN, TUANKU ZARA SALIM DAN PUTERI BAGINDA, YTM RAJA NAZIRA SAFYA BINTI SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH SERTA YTM RAJA KECIL SULONG PERAK DARUL RIDZUAN, RAJA DATO' SERI AHMAD NAZIM AZLAN SHAH BIN RAJA ASHMAN SHAH. BERANGKAT SAMA, ADINDA BAGINDA, YTM RAJA DATO' SERI YONG SOFIA BINTI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH YANG BERKENAN MENYEMPURNAKAN PELEPASAN BAGI KATEGORI TETAMU KEHORMAT SEJAUH 3 KM DIIRINGI TETAMU KEHORMAT YANG LAIN. ACARA LARIAN YANG DIANJURKAN SEMPERA ULANG TAHUN KEPUTERAAN KE-67 DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN, SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH YANG DISAMBUT PADA 3 NOVEMBER LEPAS, MENYAKSIKAN PENYERTAAN LEBIH 9,000 PESERTA. SEKITAR JAM 7.00 PAGI, DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN BERKENAN MENYEMPURNAKAN PELEPASAN PESERTA LARIAN MEMBABITKAN KATEGORI 15 KM YANG DISERTA OLEH 4,240 ORANG PESERTA DAN 4,179 ORANG PESERTA LARIAN BAGI 10 KM PADA JAM 7.10 PAGI. SETELAH 10 TAHUN ACARA INI DIADAKAN DI DAERAH KUALA KANGSAR, BUAT JULUNG KALINYA, TAIPING DIPILIH SEMPERA SAMBUTAN 150 TAHUN BANDAR TAIPING PADA TAHUN HADAPAN. DI SEKITAR TAMAN TASIK, ACARA LARIAN DISERIKAN DENGAN PERSEMBAHAN OLEH KAUM MELAYU, CINA DAN INDIA SERTA DENDANGAN DARIPADA PANCARAGAM TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM). DI PADANG ESPLANADE, DIMERIAHKAN DENGAN PAMERAN KETENTERAAN, DEMONSTRASI TEMPUR DARIPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) DAN TERJUN BEBAS (PAYUNG TERJUN), PANCARAGAM FORMASI SERTA PERTUNJUKAN 'FIRE DRAGON'. MUZIUM PERAK TURUT MENJALANKAN AKTIVITI SUKAN RAKYAT, MENGECAK MAGNET PETI DAN PAMERAN PERANG DUNIA II. MALAH, PIHAK JABATAN PENJARA MEMBUAT PAMERAN KHAS DENGAN MEMPAMERKAN UNIFORM PEGAWAI PENJARA YANG TERDAHULU, PAMERAN KRAF, SERAMIK DAN JUALAN PRODUK PENJARA. SEBELUM BERANGKAT PULANG, BAGINDA BERKENAN MENGHADIRI MAJLIS SANTAPAN DAN MENYEMPURNAKAN ACARA PENYAMPAIAN HADIAH.



### MPT RAIH TEMPAT KETIGA PERTANDINGAN KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN PIALA YAB MENTERI BESAR NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2023

26 Oktober 2023 - Keharmonian suara berjaya meletakkan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) di tempat ketiga dalam Pertandingan Koir Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Piala YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan Tahun 2023 di Stadium Indera Mulia, Ipoh. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) diangkat sebagai Juara dan Persembahan Terbaik, Naib Juara milik Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM), dan tempat keempat, Majlis Perbandaran Manjung (MPM). Setiap pemenang membawa wang tunai, replika cek dan trofi. Pertandingan yang dirasmikan oleh Datuk Bandar Ipoh, YBhg Dato' Rumaizi Baharin@Md Daud menghimpunkan 10 kumpulan dari keseluruhan 15 PBT Negeri Perak. Setiap kumpulan perlu menyanyikan lagu patriotik dan lagu viral. Pertandingan bertujuan menyemarakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan menerusi nyanyian lagu-lagu patriotik serta mewujudkan semangat kebersamaan antara PBT Negeri Perak. Pada tahun hadapan, pertandingan ini akan diadakan di Taiping sempena Ulang Tahun 150 Bandar Taiping dan Tahun Melawat Perak 2024.



25 November 2023

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) menerima Anugerah Bandar Mampan 2023 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2023 (HPBS2023) peringkat Negeri Perak di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Iskandar. Anugerah disampaikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim kepada Pengarah Perancang dan Pembangunan Bandar MPT, TPr. Syahrulnizam Baharom.

### MPT TERIMA ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2023

Sambutan ini adalah bagi menghargai sumbangan profesion perancang bandar yang sentiasa memastikan agenda dan perancangan pembangunan Kerajaan Negeri Perak dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan sosio-ekonomi rakyat dan aspek pemeliharaan alam sekitar.



### MPT NAIB JOHAN ANUGERAH INOVASI LESTARI BUMI HIJAU (ALBH) SEMPERA SAMBUTAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 2023



1 November 2023 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) diumumkan sebagai Naib Johan Anugerah Inovasi Lestari Bumi Hijau (ALBH) sempena Sambutan Hari Inovasi peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan 2023. Penyampaian anugerah itu telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad ketika Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2023 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Baja Kompos Tinja Gajah yang diusahakan oleh Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), CleaNature bagi menyelesaikan limpahan sisa tinja gajah di Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS) disamping menjaga kelestarian alam sekitar.

### MPT RAIH TEMPAT KETIGA MEDAN SELERA BERSIH SEMPERA HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA KPKT 2023



17 Oktober 2023 - Medan Selera FMS Station dibawah seliaan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) meraih tempat ketiga bagi Kategori A dalam Pertandingan Medan Selera Bersih peringkat Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Tahun 2023 yang bertemakan Persekitaran Lestari, Negara Madani.

Yang Dipertua MPT, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir dan Setiausaha Perbandaran, Tuan Haji Khairul Anuar Hashim menerima pengiktirafan itu dalam majlis yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming di Putrajaya International Convention Centre (PICC).





# TAIPING TUAN RUMAH PERSIDANGAN SEAZA KE-31



6 November 2023 – Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), YBhg. Dato' Abdul Kadir Abu Hashim mewakili Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim merasmikan Persidangan Persatuan Zoo dan Akuarium Asia Tenggara (SEAZA) ke-31 di Grand Ballroom, Hotel Grand Baron. Persidangan yang berlangsung 5 November 2023 hingga 8 November 2023 memfokuskan perbincangan bertemakan 'Keeping Zoos Relevant' Welfare, Conservation dan Education. Sebanyak enam sesi saintifik dibentangkan sepanjang persidangan berlangsung. Selain itu, terdapat beberapa pengisian aktiviti lain seperti Perhimpunan Agung, Mesyuarat Lembaga SEAZA, Sesi 'Icebreaking' dan Jamuan Makan Malam. Taiping dipilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran ke-31, yang merupakan buat kali ketiga penganjuran selepas tahun 2003 dan 2012. Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS), Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dengan kerjasama Malaysian Association of Zoological Parks & Aquaria (MAZPA) diberi mandat menguruskan persidangan. Dalam ucapan perasmian, YBhg. Dato' Abdul Kadir Abu Hashim mengucapkan terima kasih atas usaha gigih ZTNS dengan PERHILITAN dalam projek pembiakan dan pemulihan Burung Botak Upeh, translokasi Kambing Gurun, serta projek akan datang pembiakan dan pemulihan Anjing Hutan dan Burung Merak Hijau dianggap sebagai bukti komitmen terhadap pemuliharaan hidupan liar. Dengan kehadiran 239 peserta dari dalam dan luar negara, termasuk wakil dari Australia, China, Republik Czech, Perancis, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Kazakhstan, Taiwan, Myanmar, New Zealand, Filipina, Portugis, Rusia, Serbia, Singapura, Korea Selatan, Tajikistan, Thailand, Emiriah Arab Bersatu, Britain dan Afrika, persidangan ini dianggap sebagai platform penting untuk pertukaran pengetahuan dan pengalaman. Hadir bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) PERHILITAN, YBhg. Dato' Fakhru Hatta Musa, Orang Besar Jajahan Larut Matang Dan Selama, YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Haji Wan Mohd Isa Dato' Seri Haji Wan Mohd Razali, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak merangkap ADUN Aulong, YB Encik Teh Kok Lim, Pengarah Perhilitan Negeri Perak, Tuan Haji Yusoff Shariff, Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama, YBrs Encik Mohd Nasrul Menhat, President SEAZA, Dr. Cheng Wen Haur dan Pengerusi MAZPA, Dr. Kevin Lazarus.

# KARNIVAL KESEHATAN 2.0 DIDIK MASYARAKAT SIHAT DAN BERKUALITI

31 Oktober 2023 – Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, YBrs. Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir merasmikan Karnival Kesihatan 2.0 di Dewan Perbandaran Taiping. Tujuan karnival adalah menyebarkan kesedaran kesihatan dalam masa yang sama mendidik masyarakat khususnya warga kerja MPT. Dalam ucapan Yang Dipertua, pada 23 Februari yang lalu MPT telah menganjurkan Karnival Kesihatan yang pertama dengan tujuan memberikan akses kepada warga kerja MPT dan penduduk setempat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan secara percuma. Respons yang diterima daripada pelbagai pihak amat menggalakkan, dan ini mendorong pihak MPT untuk menganjurkan Karnival Kesihatan buat kali kedua. Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) bagi penganjuran Karnival Kesihatan 2.0 dibawah Program Kemampunan Komuniti Bandar. Tidak dilupakan kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung" kata Yang Dipertua. Karnival bermula 8.00 pagi hingga 2.00 petang menyediakan pelbagai aktiviti seperti Fun Walk 3.5KM, Senam Sihat, Saringan Kesihatan, Kempen Derma Darah, Pemeriksaan Lutut, Pemeriksaan dan Rawatan Pergigian, Ujian Mamogram, Ujian HPA DNA, Penerangan Skim-skim PERKESO, Fisioterapi, Jualan di iCare Pharmacy, Jualan Produk Kesihatan, Pameran Pendengaran dan Minda Sihat dan Pameran Perkhidmatan.



# BICARA INTEGRITI "HARTA YANG TIDAK PERNAH PUAS"



6 Disember 2023 – Saudara Syamsul Amri Haji Ismail, atau lebih dikenali sebagai Syamsul Debat, Penceramah Bebas telah dijemput menyampaikan Bicara Integriti bertajuk Harta Yang Tidak Pernah Puas di Dewan Perbandaran Taiping. Program Bicara Integriti kali ini bukan sahaja melibatkan warga kerja MPT tetapi turut menjemput pelbagai agensi kerajaan, pihak berkepentingan, pembekal, dan kontraktor yang berurusan dengan Majlis Perbandaran Taiping. Tujuannya jelas untuk menyokong usaha murni dalam membudayakan integriti.

- Kalendar Acara Sambutan Ulang Tahun ke-150 Bandar Taiping (1874-2024)!
  - Ayuh sertai kami menyambut ulang tahun ke-150 Bandar Taiping, destinasi warisan yang menawarkan pengalaman tak terlupakan!
  - Rancang percutian anda ke Taiping Bandar Warisan dengan pelbagai aktiviti menarik yang pasti memukau hati anda.
- \*Sebarang perubahan program dan tarikh tertakluk kepada perubahan penganjur



# PERLAWANAN SEPARUH AKHIR DAN PERLAWANAN AKHIR PERTANDINGAN BOLA JARING ANTARA JABATAN MPT

20 Disember 2023 – Sekitar Perlawanan Separuh Akhir dan Perlawanan Akhir Pertandingan Bola Jaring Antara Jabatan MPT di Dewan Perbandaran Taiping. Perlawanan akhir disempurnakan oleh Yang Dipertua MPT, Tuan Khairul Amir Mohamad Zubir. Jabatan Akaun dan Kewangan muncul juara selepas menewaskan Jabatan Kejuruteraan pada perlawanan akhir. Pertandingan yang berlangsung selama selama 2 hari merupakan anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan MPT. Sebanyak 8 pasukan telah berentap. Hadir bersama Pengarah Kejuruteraan merangkap Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan MPT, Tuan Haji Mohd Yusoff Haji Caroshau, Pengarah Akaun dan Kewangan, Cik Nurul Izzati Sabri.

